

14 APR 1997

Mesir-Pelaburan (bergambar)

M'SIA DAN MESIR PERLUAS HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Malaysia dan Mesir hari ini menandatangani satu Perjanjian Jaminan Pelaburan yang bertujuan untuk memperkembang serta meluaskan kerjasama ekonomi dan perindustrian dalam jangka masa panjang.

Perjanjian itu menyediakan satu rangka kerja untuk meransang lebih banyak aliran pelaburan dan aktiviti perniagaan di antara kedua-dua negara.

Penandatanganan perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Mesir Dr Kamal Ahmed El-Ganzoury yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negara ini.

Perjanjian itu ditandatangani di Jabatan Perdana Menteri di sini oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perdagangan dan Bekalan Mesir Ahmed A. Gewili.

Pada keseluruhannya setakat ini Malaysia telah menandatangani 54 Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan negara-negara lain.

Perjanjian itu melindungi pelaburan oleh para pelabur kedua-dua negara sama ada yang dibuat sebelum ataupun selepas pemeteraian perjanjian berkenaan.

Ia juga mengadakan peruntukan tertentu bagi memenuhi kehendak para pelabur seperti ekspropriasi dan pemilikan negara serta repatriasi pelaburan dalam bentuk pemindahan bebas pendapatan daripada pelaburan.

Perjanjian itu juga meliputi penyelesaian pertikaian pelaburan melalui Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan atau Mahkamah Timbangtara Dewan Perdagangan Antarabangsa atau Tribunal Timbangtara Ad-hoc Antarabangsa yang ditubuh mengikut Kaedah Timbangtara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Undang-undang Perdagangan Antarabangsa.

Perdagangan dua hala Malaysia dengan Mesir ketika ini adalah kecil dengan hanya berjumlah RM625 juta pada 1996 mewakili 0.2 peratus keseluruhan perdagangan Malaysia.

Eksport utama Malaysia ke Mesir bagi tahun yang sama adalah sebanyak RM606 juta sementara import berjumlah RM19 juta.

Eksport utama Malaysia ke Mesir ialah minyak sawit, stearin, getah asli, alat penerima televisyen, kertas dan kepingan kertas. Manakala import Malaysia dari Mesir termasuk buah-buahan dan bijirin, lapik lantai, rempah dan benang tekstil.

Buat masa ini Mesir tidak mempunyai pelaburan di Malaysia sementara hanya satu syarikat Malaysia, Sime-Darby Edible Oils Products, melabur di negara itu.

Dengan perjanjian itu, syarikat-syarikat Malaysia dan Mesir boleh menerokai peluang usahasama seperti pengeluaran produk minyak sawit, stearin dan pembuatan barangan serta perlombongan.

Sektor swasta kedua-dua negara juga boleh menjalin kerjasama dalam pembangunan projek di wilayah masing-masing dan pada masa yang sama Mesir boleh turut menjadikan Malaysia pusat pengedaran bagi eksportnya ke rantau ini.

Kedua-dua negara juga menandatangani Perjanjian Pengangkutan Udara. Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ling Liong Sik menandatangani bagi pihak Malaysia dan Mesir diwakili Menteri Elektrik dan Tenaga Mohamad Maher Abaza.

Dua memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangani. Yang pertama antara Pusat Penggalakan Eksport Mesir dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) mengenai kerjasama dan galakan

perdagangan. Maltrade dan EEPC bersetuju mengenalpasti bidang kerjasama dalam pertukaran dan penyebaran maklumat kepada sektor perniagaan kedua-dua negara.

Ia ditandatangani oleh Rafdiah bagi pihak Maltrade dan EEPC diwakili Gewili.

Satu lagi MoU ialah mengenai kerjasama pelancongan yang ditandatangani oleh Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Pentadiran Tempatan Mesir Dr Mahmoud Sherif mewakili kerajaan Mesir.

Penandatanganan perjanjian udara dan kedua-dua MoU itu turut disaksikan oleh Dr Mahathir dan Dr Kamal. -- BERNAMA

ZAB RON